

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 4 / 2024**

**KADAR FI ROYALTI BAHARU BAHAN BATUAN DAN BAHAN MINERAL
BAGI TUJUAN PENJUALAN TEMPATAN DAN EKSPORT SERTA
PENYELARASAN SEMULA UNIT UKURAN BERAT TIMBANGAN
DI NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS) berkenaan keputusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berhubung Kadar Fi Royalti Baharu Bahan Batuan dan Bahan Mineral Bagi Tujuan Penjualan Tempatan dan Eksport Serta Penyelarasan Semula Unit Ukuran Berat Timbangan Di Negeri Selangor selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 14/15/2024 pada 24 Mei 2024 yang telah disahkan oleh MMKN ke 16/2024 pada 29 Mei 2024.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Kadar fi royalti sediaada bagi bahan batuan yang telah diwartakan pada tahun 2003 mengikut Selangor Land Rules (SLR) 2003 dan sehingga kini (21 tahun) masih belum dibuat pindaan pada kadar itu.


- 2.2 Begitu juga dengan kadar fi royalti sediada bagi bahan mineral yang telah diwartakan pada tahun 2007 mengikut Peraturan Mineral Selangor (PMS) dan sehingga kini (17 tahun) masih belum dibuat pindaan pada kadar itu.
- 2.3 Kadar baru fi royalti bahan batuan dan mineral ini telah dibuat perbandingan melalui sumber rujukan dan maklumat negeri-negeri lain seperti Negeri Perak, Pahang dan Negeri Sembilan.
- 2.4 Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Dan Penyeragaman Berkaitan Bahan Batuan Dan Mineral Negeri Selangor Bil.1/2024 dan Mesyuarat Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri Selangor Bil.1/2024 yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor bertarikh pada 22 April 2024 telah mengambil maklum dan bersetuju dengan pindaan kadar baru fi royalti bahan batuan dan mineral Negeri Selangor.

3. KADAR BARU FI ROYALTI BAHAN BATUAN DAN BAHAN MINERAL NEGERI SELANGOR

- 3.1 Kadar Baru Fi Royalti Bahan Batuan Negeri Selangor adalah seperti rujukan jadual di **Lampiran 1**.
- 3.2 Kadar Baru Fi Royalti Bahan Mineral Negeri Selangor adalah seperti rujukan jadual di **Lampiran 2**.

4. PEMAKAIAN DAN TARIKH BERKUATKUASA

- 4.1 Kadar fi royalti baharu ini akan dikemaskini dan ditambahbaik di dalam **Selangor Land Rules (SLR) 2003** kemudian sebagai rujukan dan panduan.
- 4.2 Kadar fi royalti baharu penjualan tempatan dan eksport hanya menggunakan pekeliling ini sahaja untuk dijadikan sumber rujukan dan panduan oleh PDT dan PTGS dalam mengenakan jumlah kadar royalti.
- 4.3 Pekeliling Pengarah PTGS Bil.3/2014 berkaitan Pengenaan Kadar Royalti Baru Bagi Bahan Batuan Granit (Kuari) Di Negeri Selangor dibatalkan selaras dengan Keputusan MMKN No. 13/15/2024 bertarikh 24 Mei 2024 disahkan pada 29 Mei 2024 MMKN ke 16/2024 .
- 4.4 Pekeliling ini berkuat kuasa **24 Mei 2024**.


.....
(DATO' DR. YUSRI BIN ZAKARIAH) D.S.I.S., S.M.S.
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor.
Bertarikh: 23 Julai 2024

Bil.	Jenis Bahan Batuan	Kadar Fi Royalti	
		Tempatan	Eksport
1.	Earth (tanah biasa)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
2.	Laterite (tanah merah biasa)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
3.	Loam (lumpur)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
4.	Clay (tanah liat biasa)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
5.	Sand (pasir biasa)	RM 2.73 / metrik tan (mt)	RM 4.10 / metrik tan (mt)
6.	Coral (karang)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
7.	Shell (cengkerang)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
8.	Shale (syale)	RM 2.60 / metrik tan (mt)	RM 3.90 / metrik tan (mt)
9.	Turf (rumpun)	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
10.	Brick (clay/sand)	RM 3.00 / 1,000 ketul	RM 4.50 / 1,000 ketul
11.	Tile (Jubin)	RM 3.00 / 1,000 unit	RM 4.50 / 1,000 unit
12.	Cement (simen)	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
13.	Quarzite (kuarzit)	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
14.	Tanah Beban	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
15.	Sandstone (batu pasir)	RM 1.80 / metrik tan (mt)	RM 2.70 / metrik tan (mt)
16.	Granodiorite	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
17.	Diorite	RM 1.60 / metrik tan (mt)	RM 2.40 / metrik tan (mt)
18.	Andesite	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
19.	Microtonalite	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
20.	Rhyolite	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
21.	Basalt	RM 1.60 / metrik tan (mt)	RM 2.40 / metrik tan (mt)
22.	Dolorite	RM 1.60 / metrik tan (mt)	RM 2.40 / metrik tan (mt)
23.	Gabbro	RM 1.60 / metrik tan (mt)	RM 2.40 / metrik tan (mt)
24.	Gneiss	RM 1.60 / metrik tan (mt)	RM 2.40 / metrik tan (mt)
25.	Hornfels	RM 1.30 / metrik tan (mt)	RM 2.00 / metrik tan (mt)
26.	Peridotite	RM 1.50 / metrik tan (mt)	RM 2.30 / metrik tan (mt)
27.	Serpentine	RM 1.60 / metrik tan (mt)	RM 2.40 / metrik tan (mt)
28.	Any Rock / Stone (pelbagai batu)	RM 1.70 / metrik tan (mt)	RM 2.60 / metrik tan (mt)
29.	Kombinasi diantara bahan batuan di para 1-28 dalam kaedah ini dengan bahan batuan yang lain yang mana boleh menghasilkan sesuatu produk berlainan bolehlah dikira barang yang layak terpakai bagi setiap 1,000 unit / mt	RM 7.50 / metrik tan (mt)	RM 11.30 / metrik tan (mt)

Jadual Kadar Fi Royalti Bahan Batuan Negeri Selangor

Bil.	Jenis Bahan Mineral	Kadar Fi Royalti	
		Tempatan	Eksport
1.	Timah	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
2.	Emas	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
3.	Perak	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
4.	Ilmenit	5% daripada nilai	7.5% daripada nilai
5.	Bauksit	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
6.	Tembaga	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
7.	Bijih Besi	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
8.	Hasil Sampingan Timah	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
9.	Lain-lain mineral	7.5% daripada nilai	10% daripada nilai
10.	NR-REE	Tiada	12% daripada nilai
11.	Kaolin	RM 3.00 /mt	RM 5.00 /mt
12.	Pasir Silika	RM 4.00/mt	RM 6.00/mt
13.	Batu Arang	RM 2.00/mt	RM 3.00/mt
14.	Mika	RM 4.00/mt	RM 6.00/mt
15.	Barit	RM 15.00/mt	RM 22.50/mt
16.	Granit (termasuk hasil sampingan Granit)	RM 3.90/mt	RM 5.85/mt
17.	Batu Kapur	RM 2.30/mt	RM 3.46/mt
18.	Batu Marmar	RM 5.70/mt	RM 8.60/mt
19.	Quartz (Kuarza)	RM 2.30/mt	RM 3.46/mt
20.	Silica Powder	RM 2.85/mt	RM 4.25/mt
21.	Lime (Kapur)	RM 1.82/mt	RM 2.72/mt
22.	Guano (Tahi Kelawar)	RM 2.00/100kg	RM 3.00/100kg

Jadual Kadar Fi Royalti Bahan Mineral Negeri Selangor